

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN  
(PETALING JAYA SELATAN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

- (a) penjimatan atas penangguhan PLKN bagi tahun 2015; dan**
- (b) jumlah perbelanjaan PLKN sejak ia dilaksanakan.**

**JAWAPAN:**

**Sebanyak RM 300 juta telah dapat dijimatkan hasil dari penangguhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) bagi tahun 2015. Manakala sejumlah RM 7.06 bilion telah dibelanjakan semenjak pelaksanaan PLKN pada tahun 2004 hingga 2014.**

**NO. SOALAN: 523**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**RUJUKAN : 7687**

**SOALAN:**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-**

- (a) cara menangani masalah Islamic State Of Iraq dan Sham (ISIS) di Malaysia; dan**
  
- (b) langkah-langkah mencegah rakyat Malaysia menyertai ISIS.**

## **JAWAPAN:**

**Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan mempunyai beberapa cara untuk menangani masalah *Islamic State of Iraq and Sham* di Malaysia. Antara kaedah yang digunakan oleh Kerajaan bagi maksud tersebut adalah:**

- i. penguatkuasaan undang-undang seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 atau SOSMA dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 atau POCA;
- ii. jalinan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan terutamanya negara-negara ASEAN; dan
- iii. program-program penerangan kepada masyarakat dan pemulihan kepada mereka yang terlibat.

**Bagi menjawab soalan (b) pula, Kerajaan sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci.**

**Pada masa yang sama, Kerajaan telah melalui Jabatan Imigresen Malaysia menyenaraihitamkan nama-nama mereka yang disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan ini dengan memasukkan nama-nama mereka ke dalam Senarai Syak Jabatan Imigresen (*Suspect List*) bagi mengesan pergerakan mereka di pintu-pintu masuk utama di seluruh negara.**

**Tidak ketinggalan program-program penerangan terus dijalankan dengan kerjasama semua pihak termasuklah badan-badan bukan kerajaan. Antara program-program yang dijalankan adalah dengan mengadakan ceramah-ceramah, perjumpaan, seminar dan forum penerangan melalui surat khabar termasuklah melalui khutbah jumaat dan lain-lain yang disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.**